

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIIH - BAHASA KEBANGSAAN

HARI RABU 12 APRIL, 2000 PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 33

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-
 - (a) bilakah Kerajaan akan bersetuju menurunkan umur kemasukan murid sekolah rendah dan sama ada kemudahan sekolah boleh menampung bilangan kemasukan murid yang meningkat pada tahun pelaksanaan ini; dan
 - (b) bagaimanakah tahap pencapaian dan pelaksanaan sekolah Bestari di peringkat sekolah rendah dan bilakah Kerajaan akan melancarkan sekolah Bestari di Sekolah Menengah.
(PM #3732 v1)
2. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan usaha untuk menjadi Bandaraya Kuala Lumpur bebas dari pencemaran udara, kesesakan lalulintas dan selesa untuk didiami.
(PM #3467 v1)
3. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah beliau sedar kepincangan yang berlaku di Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan soal-soal penceraian, penjagaan dan nafkah anak-anak akibat kekurangan pegawai dan kes-kes yang tertunggak tidak dapat diselesaikan. Berapakah bilangan kes penceraian yang belum selesai dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.
(PM #3398 v1)
4. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta **MENTERI TENAGA, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kerajaan mengkaji untuk menurunkan kadar sewaan telefon bimbit yang semakin popular dan banyak digunakan oleh masyarakat kita pada masa kini.
(PM #3522 v1)

5. **Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat banyak kelambatan terhadap pembinaan jalan-jalan di luar bandar, walaupun peruntukan telah disediakan khas untuk pembinaan jalan-jalan tersebut. Jika ya:-
- (a) berapakah peruntukan yang telah disediakan khas untuk pembinaan jalan-jalan di luar bandar untuk setiap negeri; dan
 - (b) jumlah peratus pembinaan jalan-jalan ini yang telah dicapai, untuk setiap negeri dan sebab-sebab yang mengakibatkan kelambatan ini.
- (PM #3575 v1)
6. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kutipan tol di Plaza tol Balakong dan Salak South sejak ia mula beroperasi sehingga sekarang. Bilakah tarikh tamat kutipan tol di kawasan-kawasan tersebut. Apakah Kerajaan ingin menurunkan kadar kutipan tol di kedua-dua tempat ini memandangkan jalan yang terlibat adalah jalan utama di kawasan tersebut. (PM #3995 v1)
7. **Tuan Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan tidak berhasrat melaksanakan skim wajib insuran kepada jemaah haji dan umrah semasa mereka menunaikan ibadat di Tanah Suci. (PM #3942 v1)
8. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta **MENTERI TENAGA, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status pelaksanaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan berapa Lesen Individu dan Lesen Kelas telah dikeluarkan sejak 1 April 1999. (PM #4119 v1)
9. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) jumlah kakitangan Kerajaan yang bersara pada umur 55 tahun pada tahun 1995-1999; dan
 - (b) sebab-sebab umur persaraan tidak dilanjutkan.
- (PM #3781 v1)
10. **Tuan Alwi bin Jusoh [Pasir Puteh]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan melaksanakan kurikulum Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi membolehkan pelajar-pelajar sekolah agama Kerajaan menyambung pelajaran ke Universiti di luar negeri. (PM #4022 v1)

11. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah '*specific*' serta sumbangan khusus Kerajaan Persekutuan untuk memastikan kejayaan Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP). (PM #3872 v1)
12. **Datuk Seri Panglima Salleh bin Tun Said [Kota Belud]** minta **MENTERI TENAGA, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membangunkan kawasan pembangunan teknologi maklumat atau mini-Koridoraya Multimedia di seluruh negara. Sekiranya ada, apakah jadual pela ksanaan rancangan tersebut. (PM #3223 v1)
13. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan apakah polisi, strategi dan program Kementerian untuk mempertingkatkan aktiviti-aktiviti pengeluaran makanan supaya bil import bahan makanan yang telah meningkat dari RM10 billion pada 1998 ke RM12 billion pada 1999 dapat dikurangkan. (PM #3685 v1)
14. **Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]** minta **MENTERI TENAGA, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan:-
 - (a) keutamaan Kerajaan dalam menentukan punca alternatif sumber tenaga elektrik; dan
 - (b) apakah benar pembinaan projek elektrik hidro lebih menguntungkan berbanding dengan nilai terjejasnya alam sekitar asal. (PM #4014 v1)
15. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sebenar kolej-kolej swasta di negara ini serta bilangan pelajar serta status taraf hidup mereka. (PM #4073 v1)
16. **Tuan Haji Mohd. Yusof bin Mohd Noor [Machang]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada telah berlaku pencerobohan ke atas ruang udara Malaysia oleh tentera udara Singapura semenjak larangan terhadapnya dibuat dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia. (PM #4149 v1)
17. **Puan Komala Devi a/p M. Perumal [Kapar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan-rancangan dan kursus-kursus latihan yang sedia ada di Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia. Apakah pecahan kaum peserta-peserta yang telah mengikuti kursus-kursus tersebut. (PM #4230 v1)
18. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihanraya Ke-10 dan seterusnya memperolehi dua pertiga majoriti kerusi di Parlimen telah menyakinkan pelabur asing dan tempatan terhadap ekonomi Malaysia. (PM #3268 v1)

19. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauhmanakah kebebasan beragama diamalkan di negara ini dari segi jumlah kuil, tokong, gereja yang telah dibenarkan beroperasi dan yang baru dan apakah peranan Jawatankuasa Penyelaras Pembinaan Rumah Ibadat bukan Islam. (PM #3696 v1)

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula Pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2000 (D.R. 1/2000) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2000 seperti berikut:**

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan hendaklah disahkan.

Dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Keempatbelas diuntukkan).

- | | | | |
|----|----------------|---|---------------------------|
| 2. | (D.R. 14/2000) | Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (1999) 2000 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
|----|----------------|---|---------------------------|

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus dua puluh dua juta tiga ratus tujuh puluh sembilan ribu dua ratus sembilan puluh lima ringgit (RM522,379,295) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2000 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut hendaklah disahkan.

- | | | | |
|-----|---|--|------------------------|
| 3. | (D.R. 3/2000) | Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 4. | (D.R. 6/2000) | Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2000 | " |
| 5. | (D.R. 4/2000) | Rang Undang-undang Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 | " |
| 6. | Menteri Kewangan akan mencadangkan:- | | |
| | Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh Seksyen 5, Akta Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian 1992, sumbangan oleh Malaysia kepada Tambahan Dana Ke-5 Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian (5 th Replenishment of the International Fund for Agricultural Development (IFAD) sebanyak US\$250,000 atau lebih kurang RM950,000 diluluskan. | | |
| 7. | (D.R. 7/2000) | Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2000 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 8. | (D.R. 15/2000) | Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 | " |
| 9. | (D.R. 9/2000) | Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2000 | " |
| 10. | (D.R. 10/2000) | Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000 | " |
| 11. | (D.R. 11/2000) | Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000 | " |
| 12. | (D.R. 12/2000) | Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuk Api Pembina Anggota 2000 | " |

- | | | | |
|-----|----------------|--|------------------------|
| 13. | (D.R. 13/2000) | Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 14. | (D.R. 8/2000) | Rang Undang-undang Kewangan 2000 | " |
| 15. | (D.R. 16/2000) | Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan) 2000 | " |
| 16. | (D.R. 5/2000) | Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 2000 | " |
| 17. | (D.R. 17/2000) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000 | " |
| 18. | (D.R. 20/2000) | Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000 | " |
| 19. | (D.R. 21/2000) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2000 | " |

20. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan:

Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut sub-seksyen (4), Seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuatkuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama 5 tahun lagi bermula dari 15 Jun 2000.

21. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini hendaklah memperdebatkan isu perlanjutan usia bersara di negara ini dari 55 tahun hingga 60 atau 65 tahun selaras dengan keadaan alaf baru, memandangkan usia rakyat Malaysia puratanya adalah 70.5 tahun. Bahawa usia bersara di sesetengah negara adalah: Skandinavia 67, United Kingdom 65, Amerika Syarikat 62, Singapura 62 dan Thailand 60. Bahawa pro dan kontra perlanjutan tersebut mestilah diperbincangkan dengan panjang lebar kerana isu ini akan terus timbul.

22. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini memperbahaskan Dasar Alam Sekitar Negara dalam semua aspek termasuk pencegahan pencemaran, hakisan tanah dan tanah runtuh serta pertumbuhan ekonomi, sosial, kemajuan budaya dan pembangunan mampan. Bahawa Pelan Tindakan mestilah digubal untuk menjayakan Dasar itu. Bahawa bilangan bencana seperti tanah runtuh di Cameron Highlands, Genting Highlands dan Pos Dipang adalah berkaitan dengan kecuaiian manusia dan langkah-langkah yang berkesan haruslah diambil untuk mengelakkan daripada berlakunya tragedi seumpama ini.

23. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputih]** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya pilihanraya Kerajaan Tempatan dipulihkan di Malaysia.

24. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputih]** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ke tetapan supaya Akta Universiti dan Kolej Universiti dipinda untuk memberikan kebebasan kepada para pelajar serta kakitangan akademik menyertai dalam aktiviti-aktiviti sosial politik.

25. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia dirombak semula ke arah menjadikannya lebih berkesan, bebas dan mendapat kepercayaan rakyat termasuk mengadakan pendaftaran pemilih automatik bila seseorang warganegara mencapai umur 21 tahun.

26. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Kerajaan menubuhkan Hal Ehwal Agama Bukan Islam bagi menguruskan pelbagai masalah penganut agama dan kemudahan ibadat.

27. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Kementerian Pertahanan memperkenalkan Perkhidmatan Negara bila seseorang rakyat mencapai umur 18 tahun bagi menjadikan rakyat lebih berdisiplin, taat setia serta mempunyai kesedaran sivik yang tinggi.

28. **Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil perhatian tentang:

- (a) Alasan keputusan Mahkamah Persekutuan mengenai kes rayuan Encik Lim Guan Eng di bawah kesalahan-kesalahan Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan yang telah diputuskan pada 26 Ogos 1998 masih belum diumumkan sungguhpun Encik Lim Guan Eng telah menjalankan hukuman penjara 18 bulannya hilang kelayakan sebagai ahli Parlimen dan dinafikan hak-hak sivil dan politik selama lima tahun.
- (b) Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes rayuan fitnah MGG Pillai masih belum diputuskan sungguhpun telah selesai didengari lebih dari dua tahun;

Dan mengambil keputusan bahawa peruntukan-peruntukan perlu dibuat untuk mempertahankan prestasi dan akauntabiliti para hakim di mana kelewatan lebih daripada enam bulan untuk membuat keputusan atau mengumumkan alasan keputusan satu-satu kes dianggap sebagai melanggar tata-tertib hakim-hakim; dan mengarahkan Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas isu undang-undang dan keadilan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melaksanakan usul ini.

29. **Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengutuk sekeras-kerasnya tingkahlaku seksis Ahli Parlimen kawasan Ipoh Timur serta Ahli Parlimen kawasan Kinabatangan yang melakukan gangguan seksual ke atas Ahli Parlimen kawasan Batu Gajah (lebih kurang 12.25 ptg) serta Ahli Parlimen kawasan bukit Mertajam (lebih kurang 5.15 ptg) semasa mencelah ucapan mereka ketika perbahasan ke atas usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di Pertuan Agong pada 21 Februari 2000, dengan menggunakan kata-kata lucah dan tidak senonoh yang berniat jahat, menimbulkan kesangsian bahawa Dewan ini menggalakkan sikap seksis, menghina hak kaum wanita amnya, dan memperkecil-kecilkan kaum ibu khususnya;

Bahawa Dewan ini merasa kesal dengan sikap Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan yang menyokong perlakuan seksis serta tidak menghormati kaum wanita kedua-dua Ahli Parlimen yang berkenaan, yang menimbulkan kekhawatiran rakyat jelata terhadap nilai pendidikan yang disampaikan kepada generasi muda negara ini;

Maka dengan itu Dewan ini mengambil ketetapan untuk merujuk kedua-dua Ahli Parlimen Ipoh Timur serta Ahli Parlimen Kinabatangan ke Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan demi menegah berulangnya sebarang perlakuan seksis dan tidak senonoh sebegini di masa depan di samping memulihkan nama baik Dewan yang mulia ini yang benar-benar menghormati kaum wanita.